



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**11 Ogos 2021  
2 Muharram 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
<b>Utusan Malaysia</b>	
<b>Berita Harian</b>	
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kaki pancing maut dipercayai sakit jantung</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Nelayan hilang ditemui maut</li></ul>
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernama</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Perikanan Pulau Pinang tahan empat nelayan guna pelekat zon palsu</li></ul>
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT 14	TARIKH 11/08/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

## Kaki pancing maut dipercayai sakit jantung

**Kuala Terengganu:** Seorang kaki pancing yang tidak pulang ke rumah sejak Khamis lalu ditemukan meninggal dunia di tebing sungai Kampung Sungai Rengas di sini, kelmarin dipercayai akibat serangan jantung.

Mayat Mohd Norhatta Mohd Nadzar, 39, dari Kampung Seberang Baruh, Chabang Tiga di sini, ditemukan orang awam yang kebetulan ke lokasi berkenaan untuk menjala ikan jam 9.30 malam.

Isteri mangsa, Nurhafiza Abd Rahman berkata, dia menerima berita kematian suami daripada jiran yang mendapat tahu daripada kumpulan WhatsApp kampung jam 10.45 malam.

Nurhafiza yang juga kakitangan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, berkata, dia tidak menyangka suami tidak pulang ke rumah selepas keluar memancing Khamis lalu meninggal dunia.

"Suami memang minat memancing dan selepas beberapa hari keluar baru pulang ke rumah."

"Kedua-dua itu sudah menjadi perkara biasa bagi saya dan kerana itulah saya tidak berasa pelik apabila dia tidak balik selepas keluar memancing petang Khamis lalu," katanya ditemui di lokasi kejadian.



MAYAT Mohd Norhatta ditemukan di tebing sungai Kampung Sungai Rengas di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, dia sentiasa menghubungi suaminya setiap keluar memancing bagi memastikan dia selamat kerana suaminya mengalami masalah jantung.

"Tetapi kali ini telefon bimbitnya tertinggal di rumah menyebabkan saya tidak dapat berhubung dengannya," katanya.

Menurut Nurhafiza, dia percaya suaminya terkena serangan jantung ketika berada di tebing sungai berkenaan.

"Kali terakhir dia (arwah suami) terkena serangan jantung ketika mengerjakan ibadah korban pada Aidiladha lalu, tetapi ketika itu dia sempat makan ubat," katanya.

Mentua mangsa, Abd Rahman Mohamad, 70, berkata, menantunya dari Temerloh, Pahang dan bekerja sendiri tetapi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dia banyak menghabiskan masa di rumah selain keadaannya yang kurang sihat kerana menghi-

dap penyakit berkaitan jantung.

"Dia (arwah) sudah biasa berhari-hari keluar memancing, jadi saya tidak berasa pelik apabila dia tidak pulang selepas keluar memancing Khamis lalu."

"Kematiannya menyediakan namun saya reda dengan ketentuan Allah," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Abdul Rahim Mad Din, ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

## Nelayan hilang ditemui maut

**LUMUT** - Seorang nelayan yang dilaporkan hilang ketika keluar menangkap ikan pada Khamis lalu ditemukan maut di kedudukan 6.2 batu nautika barat daya Pulau Talang di sini pada Isnin.

Mayat Amat Beram Sah, 80, ditemui oleh nelayan tempatan kira-kira jam 3 petang.

Pengarah Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak, Kepten Maritim Sharizan Raman berkata, Maritime Rescue Sub Centre (MRSC) Langkawi mengaktifkan semula operasi selepas mendapat maklumat tersebut.

"Mangsa kemudian dibawa ke jeti PPM Kampung Acheh di sini dibantu Polis Marin.

"Mayat mangsa dicam oleh ahli keluarganya sebelum diserahkan kepada polis untuk dibawa ke Hospital Seri Manjung bagi tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

*Sinar Harian* melaporkan Maritim Malaysia Perak mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) seorang nelayan tempatan yang dikhuatiri hilang kira-kira 1.3 batu nautika barat daya Tanjung Hantu di sini pada Khamis.

Berdasarkan rekod, bot mangsa yang berpangkalan di Pulau Pangkor itu ditemui oleh nelayan tempatan tanpa pe-



**FOTO: IHSAN MARITIM MALAYSIA PERAK**  
Mayat nelayan yang hilang di perairan Tanjung Hantu diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

ngemudi kira-kira jam 11 pagi di sekitar kawasan aduan.

Operasi SAR dijalankan selama lima hari melibatkan asset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), PPM serta hampir 20 buah bot nelayan tempatan dengan keseluruhan kawasan pencarian menjangkau 111.64 batu nautika persegi sebelum ditamatkan sepenuhnya oleh MRSC Langkawi kira-kira jam 7.30 malam pada Isnin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 11/08/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BERNAMA TV		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

JENAYAH & MAHKAMAH

## Perikanan P.Pinang tahan empat nelayan guna pelekat zon palsu



Norashyah Abu Bakar (Gambar fail)



09/08/2021 04:05 PM

GEORGE TOWN, 9 Ogos – Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) menahan empat nelayan bersama sabuh bot pukat tunda Zon C kerana menggunakan pelekat palsu Zon B1 untuk menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan, di kedudukan 4.7 batu nautika dari Pulau Rimau, dekat sini semalam.

Pengerahnya Norashyah Abu Bakar berkata sepuaskan penguet kuasa Kawangan Perlindungan Sumber JPNPP menjelaskan Dua Harihai bermula 2.10 petang selepas menerima aduan awam berhubung kegiatan pemilik bot itu yang menggunakan pelekat zon palsu pada badan bot kerana muahu menangkap ikan di kawasan B1.

"Selepas 20 minit operasi, pasukan kami berjaya mengesan bot itu dan pemeriksaan mendapati terdapat empat nelayan (lelak) warga tempatan berusia 35 hingga 60 tahun dengan pemiliknya mulaiketkan kod zon palsu pada badan bot bagi tujuan mengaburi mata pihak berkusa.

"Pemilik bot itu mulaiketkan kod palsu iaitu Zon B1 sedangkan kelez bot itu adalah kelez C, dia dipercayai berlinduk sadimekan kerana muahu menangkap ikan di kawasan zon yang mempunyai sumber hasil laut lebih banyak," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Menurut beliau ketika ditahan bot itu didapati menangkap ikan kurang daripada 15 batu nautika dan pantai atau deratian yang terhampir.

Norashyah berkata dalam operasi itu pihaknya turut merampas bot, peralatan menangkap ikan dan 500 kilogram ikan pelbagai jenis yang kesemuanya bernilai RM650,000.

Menurut beliau empat nelayan itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar apa-apa ayat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan vesel itu.

"Saya memohon kepada semua pihak yang mempunyai maklumat berkenaan aktiviti haram ini agar menyahulukannya kepada kami. Ini kerana aktiviti menangkap ikan di kawasan yang salah akan menyebabkan ekosistem hidupan laut terjejas," katanya.

Beliau berkata pihaknya mengaku agak sukar untuk menahan bot jenis pukat tunda kerana wujudnya tontoh yang akan memberi maklumat kepada nelayan-nelayan terabit.

Sementara itu beliau berkata pihaknya berjaya menahan 17 bot tunda pada 2018 dan jumlah itu meningkat kepada 28 bot tunda pada 2019.

"Tahun lepas, kami berjaya menahan 26 bot tunda manakala tahun ini hingga semalam, sudah mencatatkan 27 penahanan. Dengan trend peningkatan penahanan ini, kita akan mengalatkan operasi untuk menahan mereka yang terlibat. Daripada 2018 hingga semalam, jumlah penahanan bot tunda adalah 98 dengan 392 nelayan turut ditahan," katanya.

- BERNAMA